



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI KEHORMAT KOR SUKARELAWAN
POLIS SISWA / SISWI (KOR SUKSIS) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

JAWATAN

Superintenden Kehormat (SUPT/KS) – KEKOSONGAN (1)

Deputi Superintenden Kehormat (DSP/KS) – KEKOSONGAN (1)

Asistan Superintenden Kehormat (ASP/KS) – KEKOSONGAN (1 L) & (1W)

SYARAT KELAYAKAN PELANTIKAN PEGAWAI KEHORMAT KEHORMAT

1. Warganegara Malaysia.
2. Memiliki tahap kesihatan yang baik dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
3. Mempunyai ketinggian minima 162 cm (5'4") bagi lelaki dan 152 cm (5'0") bagi wanita.
4. Telah melepasi tapisan keselamatan yang dijalankan oleh Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah.
5. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dari mana-mana Universiti yang diiktiraf, mana-mana Pegawai Kanan IPTA atau memegang jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional di IPTA.
6. Tidak menganggotai sama ada sebagai anggota atau pegawai di dalam mana-mana pasukan beruniform persekutuan yang lain.

DESKRIPSI TUGAS

Superitenden Kehormat (SUPT/KS) Timbalan Komandan

- Bertanggungjawab kepada Komandan menyelaraskan aspek pentadbiran, latihan dan logistik Kor SUKSIS di seluruh kampus.
- Membantu Komandan menyelaraskan aspek pentadbiran, pemerintah, kawalan dan perhubungan Kor SUKSIS seluruh kampus.
- Menjadi perantara di antara Kor SUKSIS di seluruh kampus dengan PDRM dalam semua aspek.
- Menentukan latihan akademik dan latihan luar Kor SUKSIS di seluruh kampus dapat dijalankan dengan lancar mengikut jadual latihan sebagaimana yang telah dikeluarkan.

DESKRIPSI TUGAS

Deputi Superintenden Kehormat (DSP/KS) Ajutan

- Bertanggungjawab kepada Komandan / Timbalan Komandan dalam segala aspek pentadbiran dan membantu dalam aspek latihan.
- Mentadbir segala urusan pentadbiran pegawai, anggota-anggota tetap dan pelatih Kor SUKSES.
- Mengeluarkan segala dasar-dasar Komandan dan Pegawai Penyelaras Kor SUKSES.
- Menentukan dasar tata tertib dikemaskinikan dan dipatuhi oleh semua peringkat pegawai dan pelatih Kor SUKSES.
- Menjadi setiausaha semasa Mesyuarat Komandan dan Timbalan Komandan diperingkat IPTA.
- Menentukan semua Perintah Tetap dikemaskinikan dan mendapat persetujuan Komandan dan Timbalan Komandan.
- Memberi nasihat kepada Pegawai Penyelaras tentang dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh IPTA dari masa ke semasa.
- Mengatur dan melaksanakan kawad dan perbarisan dalam Kor SUKSES di seluruh kampus.
- Mengatur dan melaksanakan program kesukarelawan dan aktiviti kepolisian komuniti di kampus.
- Mengeluarkan segala arahan dan hukuman dari Pegawai Penyelaras untuk dihebahkan.
- Bertanggungjawab atas kebajikan anggota Kor SUKSES.
- Menjaga hubungan dengan lain-lain unit atau formasi.

DESKRIPSI TUGAS

Asisten Superintenden Kehormat (ASP/KS) Pegawai Latihan Luar & Akademik

- Mengurus semua aspek rekod yang melibatkan sumber-sumber pejabat dan personal.
- Merancang dan menyediakan silibus dan jadual latihan.
- Memastikan latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti anggota Kor SUKSES mengikut jadual latihan.
- Berhubung dengan pihak pengurusan IPTA dalam semua aspek pengurusan, pentadbiran, logistik dan juga disiplin.
- Menyampaikan ceramah dan mendapatkan penceramah untuk latihan Kor SUKSES.
- Menyediakan anggaran belanjawan dan pembekalan / peralatan termasuk pakaian seragam pelatih.
- Mengatur aktiviti-aktiviti luar, lawatan sambil belajar dan menyediakan perintah gerakan.
- Membuat penyelidikan dan mengenal pasti keberkesanan subjek yang dikendalikan.
- Menyediakan kertas-kertas ujian pada setiap semester serta mengurus pemeriksaan dan pemarkahan.
- Bertanggungjawab kepada Komandan dalam hal-hal pentadbiran, latihan luar dan latihan akademik.

ELAUN-ELAUN

Elaun Latihan

- Semua Pegawai Kehormat Kor SUKSIS IPTA layak mendapat elaun tugas berdasarkan penglibatan dalam pentadbiran Kor SUKSIS.
- Layak dibayar setiap bulan dengan syarat memenuhi jumlah minimum iaitu 24 jam dan jumlah maksimum 48 jam.
- Kiraan pembayaran elaun ialah RM 7.00 satu jam.

Elaun Sagu Hati (Bounty)

- Semua Pegawai Kehormat Kor SUKSIS IPTA layak mendapat elaun tugas berdasarkan penglibatan dalam pentadbiran Kor SUKSIS.

Elaun Pakaian Seragam

- Elaun pakaian seragam - RM 400.00 (One Off)
- Elaun Penyelenggaraan Pakaian Seragam (Setahun Sekali)
- Elaun Pakaian Istiadat – RM1500.00 (5 tahun sekali)

CARA CARA MEMOHON

Jika berminat untuk memohon menyertai Kor SUKSIS UMS, sila hantarkan resume lengkap anda kepada Pejabat Am Kor SUKSIS UMS.

Tarikh tutup permohonan : 31 Januari 2019

Hubungi kami di:
Kor SUKSIS UMS
Pejabat Kor SUKSIS
88999
Universiti Malaysia Sabah

Telefon: 088-486416

Email : suksisums17@gmail.com